



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI KANAK-KANAK (MKBKK)

#### BILANGAN 1 TAHUN 2020

**PUTRAJAYA, 23 DISEMBER 2020** - YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Kanak-kanak (MKBKK) Bilangan 1 Tahun 2020.

Mesyuarat ini telah mengemukakan cadangan Penubuhan Jawatankuasa *Task Force* bagi Menangani Isu Kesihatan Mental di Kalangan Kanak-kanak yang akan diketuai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Statistik oleh Kementerian Kesihatan menunjukkan bahawa sejak 18 Mac 2020, Talian Sokongan Psikososial Covid-19 telah menerima sebanyak 43,078 panggilan di mana sejumlah 2.7% (1,163) panggilan adalah daripada kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah.

Dalam mesyuarat ini juga, empat kertas pertimbangan dan kertas makluman telah dibentangkan iaitu:

- i. Isu dan Resolusi oleh Majlis Perwakilan Kanak-kanak (kertas pertimbangan);
- ii. Pembentangan Konsultasi Bersama Kanak-kanak oleh Pesuruhjaya Kanak-kanak, SUHAKAM (kertas pertimbangan);
- iii. Situasi Jenayah Melibatkan Kanak-kanak Semasa PKP dan Jenayah Siber Seksual Terhadap Kanak-Kanak oleh PDRM (kertas makluman); dan

- iv. Cadangan Semakan Semula Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara oleh Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, KPWKM (kertas makluman).

Kementerian Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa komited dalam memastikan isu berkaitan kesejahteraan kanak-kanak melalui semakan semula Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-kanak Negara yang sedang digarap secara komprehensif.

YB Menteri berharap agar MKBKK akan terus diperkasa bagi memperjuangkan hak kanak-kanak serta menjadi landasan kepada Kerajaan ke arah pembangunan dan pemeraksanaan kanak-kanak di negara kita.

#####

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam  
Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Aras 18, No. 55, Persiaran perdana  
Presint 4, PUTRAJAYA  
03-83231773